

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

PERANAN GURU DAN IBU BAPA MERANGSANG PERKEMBANGAN SOSIOEMOSI KANAK-KANAK MELALUI AKTIVITI BERMAIN



RIZALINA BINTI MAT RADZI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2014

PENGHARGAAN

Syukur kepada Tuhan Yang Maha Esa yang memberikan keyakinan, kekuatan dan ketabahan untuk menyempurnakan tesis sarjana ini.

Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Dr Mahani bt Razali yang sabar dan tidak jemu-jemu memberikan bimbingan, pendapat dan bantuan sehingga terhasilnya tesis sarjana ini.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak sekolah iaitu guru besar, guru prasekolah, murid prasekolah dan ibu bapa murid prasekolah yang terlibat secara langsung dalam pengutipan data untuk tesis ini.

Akhir sekali, teristimewa buat suami tersayang Elias bin Yahya, terima kasih atas segala bantuan, kerjasama dan pengorbanan yang telah diberikan sepanjang pengajian saya. Kedua-dua ibu bapa saya iaitu Ramelah Md Ali dan Mat Radzi Mat Isa, ucapan terima kasih yang tidak terhingga atas segala dorongan dan galakan yang diberikan.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti peranan guru dan ibu bapa dalam merangsang perkembangan sosioemosi kanak-kanak melalui aktiviti bermain. Kajian ini berdasarkan tiga objektif utama iaitu mengenal pasti perkembangan sosioemosi kanak-kanak melalui aktiviti bermain, mengenal pasti peranan yang dimainkan oleh guru untuk merangsang perkembangan sosioemosi kanak-kanak dan mengenal pasti sokongan ibu bapa di rumah dalam membantu merangsang perkembangan sosioemosi kanak-kanak. Kajian berbentuk kualitatif ini melibatkan 25 orang kanak-kanak prasekolah, 3 orang guru prasekolah dan 3 orang ibu bapa kanak-kanak prasekolah. Sokongan ibu bapa di rumah dilihat dari aspek perbincangan, penyeliaan anak-anak dan komunikasi ibu bapa di rumah. Kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian berstruktur untuk mengenal pasti perkembangan sosioemosi kanak-kanak melalui aktiviti bermain. Kaedah temu bual digunakan bagi mendapat pandangan guru dan ibu bapa berkaitan perlaksanaan aktiviti tersebut. Analisis data secara kualitatif berbentuk diskriptif digunakan dalam kajian ini dan data yang diperoleh dilaporkan dalam bentuk kekerapan dan peratusan. Kajian ini menumpukan kepada lima elemen perkembangan sosioemosi kanak-kanak iaitu kerjasama, yakin diri dan berani, kebolehan berinteraksi, sabar dan bertolak ansur. Hasil kajian yang diperoleh dilaporkan dalam bentuk kes demi kes iaitu berdasarkan pemerhatian semasa aktiviti bermain dijalankan. Dapatan kajian menunjukkan kanak-kanak berupaya meningkatkan perkembangan sosioemosi mereka melalui aktiviti bermain. Peranan guru sebagai perancang, pelaksana dan penilai dalam aktiviti yang dijalankan menjadi pendorong kepada perkembangan sosioemosi kanak-kanak. Sokongan ibu bapa di rumah turut membantu dalam meningkatkan perkembangan sosioemosi kanak-kanak. Secara keseluruhannya, kerjasama antara guru dan ibu bapa amat perlu bagi merangsang perkembangan sosioemosi kanak-kanak.

**THE ROLE OF TEACHERS AND PARENTS TO STIMULATE
CHILDREN'S SOCIO EMOTIONAL DEVELOPMENT
THROUGH PLAY ACTIVITIES**

ABSTRACT

The purpose of this research is to identify the role of teachers' and parents to stimulate children's social emotional development through play activities. This research is based on three principal objects which are; to identify children's social emotional development during play activities, to identify teachers' role to stimulate social emotional development and identify parents' support in stimulating children's social emotional growth at home. This qualitative study involved 25 pre-school children, three teachers and three parents as respondents. Information regarding parents' support was obtained from their discussion, supervision and communication at home. The study used structured observation to identify the social development of children through play activities. Interview methods used to obtain the views of teachers and parents regarding the implementation of these activities. Besides, document analysis was used to triangulate the information acquired from observations and interviews. In this study, qualitative data analysis was tabulated in a descriptive manner using frequencies and percentages. This study focused on five elements of social emotional development, namely; i) cooperation, ii) self-confidence and courage, iii) communication, iv) patience, and v) tolerance. The results obtained are reported in the form of case-by-case based on observations carried out during play activities. Findings revealed that the children showed positive outcomes of the social emotional development during their play activities. The teachers' role as planners, implementers and evaluators in activities are motivated to improve children's social emotional. Parental support at home also helps in improving children social development. Overall, cooperation between teachers and parents is essential in stimulating children social emotional development.

KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvii
 BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Penyataan Masalah	7
1.4 Tujuan Kajian	10
1.5 Objektif Kajian	11
1.6 Soalan Kajian	11
1.7 Kepentingan Kajian	12
1.8 Batasan Kajian	15
1.9 Kerangka Konseptual	16
1.10 Definisi Istilah Kajian	18
1.10.1 Peranan Guru	18

1.10.2	Sokongan Ibu Bapa	19
1.10.3	Kanak-Kanak Prasekolah	20
1.10.5	Perkembangan Sosioemosi	20
1.10.6	Aktiviti Bermain	21
1.11	Kesimpulan	21

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	23
2.2	Apakah yang Dimaksudkan Dengan Sosioemosi?	24
2.3	Perkembangan Sosioemosi Kanak-Kanak	28
2.4	Kepentingan Perkembangan Sosioemosi	34
2.5	Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Perkembangan Sosioemosi	38
2.6	Teori-Teori Perkembangan Sosioemosi	40
	2.6.1 Teori Perkembangan Sosial Erik Erikson	40
	2.6.2 Teori Lev Vygotsky	42
	2.6.3 Sistem Persekitaran Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979)	45
	2.6.4 Implikasi Teori Ekologi Bronfenbrenner Dalam Proses Pembelajaran Kanak-Kanak	48
	2.6.5 Teori Bandura	50
	2.6.6 Teori Perkembangan Sigmund Freud	51
2.7	Belajar Melalui Bermain	52
	2.7.1 Apakah yang dimaksudkan dengan 'main'?	53
	2.7.2 Bagaimana Kanak-Kanak Belajar Melalui Bermain	56

2.7.3 Ciri-ciri Main Dalam Pengajaran & Pembelajaran

	Prasekolah	67
	2.7.4 Kepentingan Bermain Di Prasekolah	70
2.8	Strategi Pengajaran Dalam Perkembangan Sosioemosi	
	”Belajar Melalui Bermain”	73
2.9	Peranan Guru Dalam Merangsang Perkembangan	
	Sosioemosi Kanak-kanak	84
2.10	Sokongan Dan Penglibatan Ibu Bapa Dalam Pendidikan	
	Awal Kanak-Kanak	91
2.11	Kesimpulan	102

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	104
3.2	Reka Bentuk Kajian	105
3.3	Lokasi Kajian	108
3.4	Populasi Dan Sampel Kajian	108
3.5	Tempoh Kajian	109
3.6	Prosedur Kajian	109
3.7	Kaedah Pengumpulan Data Kualitatif	110
	3.7.1 Pemerhatian	112
	3.7.1.1 Langkah-Langkah Menjalankan	
	Pemerhataan	116
	3.7.1.2 Penggunaan Senarai Semak	119
	3.7.2 Temu Bual	121
	3.7.2.1 Temu Bual Individu	121

3.7.2.2 Langkah-langkah Menjalankan Proses

	Temu Bual	123
	3.7.2.3 Reka Bentuk Temu Bual	127
	3.7.2.4 Pembinaan Temu Bual	128
	3.7.2.5 Temu Bual Separa Struktur	129
	3.7.2.6 Limitasi Temu Bual	130
	3.7.3 Analisis Dokumen	131
	3.7.4 <i>Physical Artifacts</i>	132
3.8	Pengendalian Kajian	133
3.9	Instrumen Kajian	136
	3.9.1 Senarai Semak Pemerhatian Perkembangan	
	Sosioemosi Kanak-Kanak	136
	3.9.2 Borang Maklumat Diri Guru	137
	3.9.3 Borang Maklumat Diri Ibu Bapa	137
	3.9.4 Borang Maklumat Diri Kanak-Kanak	137
	3.9.5 Borang Temu Bual Guru Prasekolah	138
	3.9.6 Borang Temu Bual Ibu Bapa	138
3.10	Analisis Data	139
3.11	Modul Perkembangan Sosioemosi	142
3.12	Kajian Rintis	143
3.13	Triangulasi Dalam Kajian Kualitatif	147
3.14	Kesahan Instrumen Temu Bual Dan Pemerhatian (Kualitatif)	150
3.15	Kebolehpercayaan Instrumen Temu Bual Dan Pemerhatian (Kualitatif)	152

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	x
N IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI F
3.16	Kesimpulan		153
BAB 4	DAPATAN KAJIAN		
4.1	Pendahuluan		154
4.2	Demografi Sampel Kajian		155
	4.2.1 Murid Prasekolah		156
	4.2.2 Ibu Bapa Prasekolah		157
	4.2.3 Guru Prasekolah		159
4.4	Analisis Data		161
	4.4.1 Kaedah Pemerhatian		161
4.5	Dapatan Hasil Pemerhatian		163
	4.5.1 Senarai Semak Pemerhatian 1 Modul 1 Elemen Kerjasama		163
	4.5.2 Senarai Semak Pemerhatian 1 Modul 2 Elemen Kerjasama		171
	4.5.3 Perbandingan Senarai Semak Modul 1 dan Modul 2		
	Elemen Kerjasama		184
	4.5.4 Senarai Semak Pemerhatian 2 Modul 1 Elemen Yakin		
	Diri / Berani		185
	4.5.5 Senarai Semak Pemerhatian 2 Modul 2 Elemen Yakin		
	Diri / Berani		194
	4.5.6 Perbandingan Senarai Semak Modul 1 dan Modul 2		
	Elemen Yakin Diri / Berani		203
	4.5.7 Senarai Semak Pemerhatian 3 Modul 1 Elemen Kebolehan		
	Berinteraksi		205
	4.5.8 Senarai Semak Pemerhatian 3 Modul 2 Elemen Kebolehan		
	Berinteraksi		214
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	
ORIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PEN

4.5.9	Perbandingan Senarai Semak Modul 1 dan Modul 2	
	Elemen Kebolehan Berinteraksi	221
4.5.10	Senarai Semak Pemerhatian 4 Modul 1 Elemen Sabar	223
4.5.11	Senarai Semak Pemerhatian 4 Modul 2 Elemen Sabar	230
4.5.12	Perbandingan Senarai Semak Modul 1 dan Modul 2	238
	Elemen Sabar	
4.5.13	Senarai Semak Pemerhatian 5 Modul 1 Elemen	
	Bertolak Ansur	241
4.5.14	Senarai Semak Pemerhatian 5 Modul 2	
	Elemen Bertolak Ansur	247
4.5.15	Perbandingan Senarai Semak Modul 1 dan Modul 2	
	Elemen Bertolak Ansur	254
4.6	Dapatan Temu Bual	255
4.6.1	Temu Bual Guru Prasekolah	256
4.6.2	Temu Bual Ibu Bapa Murid Prasekolah	282
4.7	Analisis Dokumen	293
4.8	Kesimpulan	295

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	296
5.2	Rumusan Kajian	297
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	299
5.3.1	Sejauhmana Perkembangan Sosioemosi Kanak-Kanak berlaku melalui Aktiviti Yang dijalankan?	301

5.3.2	Bagaimanakah Peranan yang Dimainkan Oleh Guru Mampu Merangsang Perkembangan Sosioemosi Kanak-Kanak?	317
5.3.3	Bagaimanakah Sokongan Ibu Bapa Membantu Merangsang Perkembangan Sosioemosi Kanak-Kanak?	333
5.4	Implikasi Terhadap Guru	342
5.4.1	Guru	345
5.4.2	Ibu Bapa	345
5.4.3	Kanak-Kanak Prasekolah	347
5.5	Cadangan	350
5.6	Kesimpulan	353
RUJUKAN		355
LAMPIRAN A Senarai Semak Pemerhatian		
LAMPIRAN B Borang Maklumat Diri Guru Prasekolah		
LAMPIRAN C Borang Maklumat Ibu Bapa		
LAMPIRAN D Borang Maklumat Murid Prasekolah		
LAMPIRAN E Borang Temu Bual Guru Prasekolah		
LAMPIRAN F Borang Temu Bual Ibu Bapa		
LAMPIRAN G Jadual Pelaksanaan Aktiviti Modul 1 Dan Modul 2		
LAMPIRAN H Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan		

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
2.1	Kemahiran Sosioemosi Dalam Sosiodramatik 80
3.1	Ringkasan Sumber Data 133
3.2	Jadual Penentu Ujian (JPU) 146
4.1	Guru Besar, guru prasekolah dan Pembantu Pengurusan Murid (PPM) yang berkhidmat di Sekolah X 155
4.2	Demografi Murid Prasekolah 156
4.3	Demografi Ibu Bapa Murid Yang Dikaji 157
4.4	Demografi Ibu Bapa Dari Segi Jantina, Umur, Bangsa Dan Bilangan Anak 158
4.5	Guru Prasekolah Yang Di Temu bual 159
4.6	Elemen Kerjasama dalam Modul 1 163
4.7	Elemen Kerjasama dalam Modul 2 171
4.8	Perbandingan Modul 1 Dan Modul 2 Dalam Elemen Kerjasama 183
4.9	Elemen Yakin Diri / Berani Modul 1 185
4.10	Elemen Yakin Diri / Berani Modul 2 194
4.11	Perbandingan Modul 1 Dan Modul 2 Dalam Elemen Yakin diri/ Berani 202
4.12	Elemen Kebolehan Berinteraksi Modul 1 205
4.13	Elemen Kebolehan Berinteraksi Modul 2 214


4.14	Perbandingan Modul 1 Dan Modul 2 Dalam Elemen Kebolehan Berinteraksi	220
4.15	Elemen Sabar Modul 1	223
4.16	Elemen Sabar Modul 2	230
4.17	Perbandingan Modul 1 Dan Modul 2 Dalam Elemen Sabar	237
4.18	Elemen Bertolak Ansur Modul 1	241
4.19	Elemen Bertolak Ansur Modul 2	247
4.20	Perbandingan Modul 1 Dan Modul 2 Dalam Elemen Bertolak Ansur	253
4.21	Temu Bual Dengan Responden Guru Prasekolah Yang Dikaji	256
4.22	Temu Bual Ibu Bapa Murid Prasekolah	282



SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	17
2.1	<i>The Family System - Child Target</i> Mengikut Sage (1998)	48
3.1	Prosedur Pengumpulan Data Kajian	107
3.2	Model Interaktif Analisis Data (Miles & Huberman, 1992).	139
4.1	Gambar foto dua orang murid mengepit bola di kepala	174
4.2	Gambar foto dua orang murid berlari dengan mengepit bola di kepala	175
4.3	Gambar foto ais krim gergasi (bola diletak atas kon kecil)	177
4.4	Gambar foto kanak-kanak berbaris dengan memegang replika ais krim gergasi	178
4.5	Gambar foto kanak-kanak yang telah ditangkap dengan 'musang'	188
4.6	Gambar foto murid mendepa tangan	195
4.7	Gambar foto murid melakukan gerakan yang diarahkan	195
4.8	Gambar foto murid berenang dengan gaya ikan	197
4.9	Gambar foto aktiviti musang dan ayam	198
4.10	Gambar foto kanak-kanak berbaris untuk rutin pagi	207

4.11	Gambar; i) Gerakan secara individu dan	209
	ii) Gerakan secara berpasangan	210
4.12	Gambar foto topeng musang	248



SENARAI SINGKATAN

BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
FPK	Falsafah Pendidikan Negara
IPSAH	Institut Perguruan Sultan Abdul Halim
IPPM	Institut Perguruan Perempuan Melayu Melaka
JPU	Jadual Penentu Ujian
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KPLI	Kursus Perguruan Lepas Ijazah
KSPK	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan
PPM	Pembantu Pengurusan Murid
PGSR	Program Pensiswazahan Guru Sekolah Rendah
PdP	Pengajaran Dan Pembelajaran
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia.
UNITEN	Universiti Tenaga Nasional

BAB 1

Pengenalan

1.1 Pengenalan

Pendidikan prasekolah di Malaysia bertujuan untuk menyuburkan potensi murid prasekolah dari aspek perkembangan, menguasai kemahiran asas dan memupuk sikap positif sebagai persediaan masuk ke sekolah rendah. Pendidikan prasekolah penting bagi kanak-kanak berumur 4 hingga 6 tahun kerana memberikan pengalaman awal untuk mereka mendapatkan pembelajaran yang berkesan, bermakna serta menggembirakan dan seterusnya menyediakan mereka sebelum memasuki alam persekolahan (Najeemah, 2009).

Dalam konteks kanak-kanak, pendidikan perlu dilihat sebagai satu proses yang berterusan. Proses pendidikan yang berkembang serentak dengan perkembangan individu seorang kanak-kanak yang mempelajari apa sahaja yang ada di persekitaran. Melalui ilmu atau kemahiran yang diperoleh, kanak-kanak seterusnya mengaplikasikannya dalam konteks yang pelbagai sama ada dalam kehidupan sehariannya pada ketika itu ataupun sebagai persediaan untuk kehidupannya pada masa yang akan datang.

Menurut Sharifah dan Aliza (2011) dalam kajiannya menyatakan pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan awal kanak-kanak adalah lebih berkesan jika dilakukan melalui aktiviti bermain kerana bermain adalah sebahagian daripada dunia kanak-kanak. Sesungguhnya watak utama di sebalik peranan ini adalah seorang guru. Guru adalah penyampai maklumat kepada murid dalam setiap keadaan. Ini menunjukkan peranan guru amat penting dalam meningkatkan keberkesanan pembelajaran kanak-kanak. Sesi pembelajaran yang berlaku di sekolah berterusan hinggalah ke rumah. Situasi ini memerlukan sokongan ibu bapa untuk meneruskan sesi pembelajaran di rumah. Sokongan ibu bapa di rumah meliputi tiga aspek iaitu pembelajaran di rumah, penyeliaan dan pengawasan terhadap kanak-kanak dan komunikasi di rumah.

Moyles (2005) berpendapat bahawa bermain adalah pengalaman pengajaran dan pembelajaran yang terbaik dan menjadi keutamaan dalam pendidikan awal kanak-kanak. Melalui bermain kanak-kanak dapat mengembangkan hubungan sosial mereka dan berusaha untuk berinteraksi

dengan kanak-kanak lain. Secara tidak langsung, situasi ini membantu perkembangan sosioemosi kanak-kanak pada peringkat awal usia mereka.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan berkualiti memerlukan guru yang berkualiti (Mohamad Sani, Mohd Izham & Jainabee, 2008). Guru-guru pada abad ke-21 perlu memiliki kekuatan minda, ketangkasan daya cipta, kemantapan idealisme dan kekuatan diri. Profesionalisme dan disiplin sendiri yang positif menjadi paksi utama kepada budaya kecemerlangan kerjaya seorang guru (Mohd. Najib 1999). Sungguhpun banyak pemboleh ubah yang menyumbang kepada proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan seperti keadaan fizikal sekolah dan bilik darjah, kemudahan sumber pengajaran dan pembelajaran, tetapi yang paling penting ialah kualiti interaksi yang wujud antara guru dan murid.

Guru pada masa kini mempunyai beban tugas yang sangat mencabar. Beban tugas yang banyak ini turut dihadapi oleh setiap guru prasekolah. Arends (2001) dalam kajiannya menyatakan bahawa guru-guru di zaman teknologi maklumat ini mempunyai tanggungjawab yang sangat besar dalam proses pengajaran dan bentuk ilmu pengetahuan yang pelajar mereka terima. Guru yang baik akan menunjukkan rasa tanggungjawabnya terhadap apa yang pelajar-pelajarnya pelajari. Sebaliknya, guru yang tidak bertanggungjawab akan

mengabaikan amanah yang diberi dalam mendidik anak bangsa menjadi insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Peranan guru sangat penting dalam membantu perkembangan sosioemosi kanak-kanak. Kanak-kanak perlu diberi peluang untuk melahirkan perasaan dan mengembangkan daya kreativiti mereka mengikut kreativiti masing-masing. Penglibatan aktif kanak-kanak juga akan berupaya menggalakkan perkembangan kognitif, afektif dan psikomotor kanak-kanak, di samping memupuk nilai estetika. Perkembangan sosioemosi kanak-kanak juga mendorong kanak-kanak memahami hasil pembelajaran mereka dengan lebih mudah. kanak-kanak akan mencapai tahap pencapaian semakin meningkat. Mereka akan pandai melukis dan mengecat mengikut kreativiti masing-masing. Kanak-kanak juga boleh melakar, menulis, memotong, menghasilkan kraf tangan, membuat pergerakan kreatif, menyanyi dan juga menenun (Rosnita, 2010). Keadaan ini berlaku dengan adanya minda yang cerdas dan keyakinan diri serta tidak mudah mengalah yang bermula dari perkembangan emosi kanak-kanak sejak usia awal mereka.

Morison (1995) menegaskan bahawa dalam menjayakan sesuatu permainan di pusat-pusat persekolahan, guru memainkan peranan yang penting untuk mencipta persekitaran dan juga merangsang serta memperkembangkan daya berfikir kanak-kanak. Menurut Shahizan dan Ahmad Shahabudin (2006) guru perlu menggunakan pelbagai pendekatan atau strategi yang sesuai dalam perkembangan diri, kebolehan, keupayaan, bakat serta minat kanak-kanak.

Menurut Isenberg dan Jalongo (2003), sebagai langkah awal untuk memastikan aktiviti bermain dapat digunakan dengan lebih berkesan, guru-guru perlu menyediakan diri terhadap realiti dalam pengajaran. Antaranya ialah mempersiapkan diri dengan pelbagai kemahiran yang tinggi kerana para guru akan menghadapi pelbagai cabaran yang semestinya akan mengganggu emosi dan cara kerja mereka.

Peranan guru dapat digolongkan kepada tiga bahagian utama iaitu perancangan, pelaksanaan dan penilaian. Semasa membuat perancangan guru melaksanakan tugas seperti mendiagnos, menetapkan objektif pengajaran dan pembelajaran, memilih kaedah pengajaran, menyusun aktiviti dan memilih bahan pembelajaran. Perancangan ini akan dilaksanakan oleh guru dalam bilik darjah dengan peranannya sebagai pengajar, pemudah cara, pembimbing, pentadbir, perancang, pengelola dan mencipta pembaharuan dalam aktiviti pengajaran. Guru sebagai pelaksana boleh dilihat peranan mereka melaksanakan aktiviti yang telah dirancang berdasarkan aktiviti dan program yang telah dirancang. Contohnya selepas melaksanakan aktiviti bermain di prasekolah, guru perlu menilai keberkesanan aktiviti yang telah dirancang. Penilaian dibuat melalui hasil yang diperoleh dari pemerhatian dan temu bual yang dilakukan. Inilah tugas guru yang boleh dilakukan untuk memastikan perkembangan diri kanak-kanak mencapai objektif yang diharapkan. Perkembangan diri kanak-kanak juga tidak boleh diletakkan pada bahu seorang guru sahaja. Sokongan dan dorongan ibu bapa di rumah juga membantu perkembangan diri kanak-kanak.

Sokongan dan penglibatan ibu bapa di rumah dikatakan berlaku apabila ibu bapa membantu anak-anak menyiapkan kerja sekolah, memberi sokongan dan galakan kepada anak-anak untuk belajar, menyediakan masa dan tempat belajar yang sesuai dan selesa untuk anak-anak, menunjukkan tingkah laku yang baik kepada anak-anak dan sentiasa memperuntukkan masa untuk mereka. Seterusnya penglibatan ibu bapa juga dikatakan berlaku apabila ibu bapa sering berhubung dengan pihak sekolah atau pusat-pusat asuhan melalui panggilan telefon, email atau melalui urusan surat-menyurat untuk mengetahui tentang perkembangan anak-anak mereka (Mahani, 2009).

Ibu bapa yang sentiasa mendampingi anak-anak mereka akan membuatkan anak-anak merasa mereka disayangi dan selamat. Ini membantu mereka membesar dalam keadaan sempurna dan perkembangan diri mereka juga tidak terjejas. Kajian-kajian lepas juga menunjukkan bahawa penglibatan ibu bapa sangat penting dalam pencapaian akademik seseorang anak (Yan dan Lin, 2005).

Ogbu dan Simons (1998) serta Yan dan Lin (2005) menjelaskan bahawa rumusan keseluruhan kajian-kajian lepas mendapati bahawa penglibatan ibu bapa di sekolah, semasa di rumah dan komuniti sangat ketara mempengaruhi pencapaian akademik anak-anak di sekolah, membantu anak-anak membina kesihatan mental yang sihat dan lebih aktif berbanding pelajar yang ibu bapa tidak melibatkan diri di sekolah.

Ogbu dan Simons (1998) dalam kajian mereka mengatakan bahawa tahap motivasi ibu bapa, sikap, sokongan dan komitmen mereka mempengaruhi kanak-kanak untuk berprestasi baik di sekolah. Ini secara tidak langsung mempengaruhi perkembangan sosioemosi kanak-kanak dari segi yakin diri dan berani kerana ibu bapa akan memberi dorongan dan sokongan bagi setiap aktiviti yang mereka lakukan. Kebolehan berinteraksi kanak-kanak juga akan meningkat dengan penglibatan mereka dalam aktiviti seperti riadah, karnival sukan prasekolah dan sambutan hari raya peringkat sekolah.

1.3 Penyataan Masalah

Pencapaian murid prasekolah pada hari ini tidak hanya diukur pada kebolehan akademik masing-masing. Pencapaian mereka juga diukur dari segi kebolehan berinteraksi dan juga keterlibatan mereka dalam aktiviti di luar bilik darjah. Seperti yang terkandung dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara (FPN) membolehkan kanak-kanak memperoleh asas komunikasi, kemahiran sosial, dan kemahiran lain yang positif seperti fizikal, intelektual, emosi, rohani dan nilai estetika sebagai persediaan awal sebelum melangkah ke aliran perdana di sekolah rendah.

Menurut Noor Azima (2010) perkembangan sosio emosi kanak-kanak

khususnya adalah keupayaan kanak-kanak untuk berinteraksi serta memberi

tindak balas emosi terhadap sesuatu situasi atau keadaan yang dapat dilihat melalui kelakuan kanak-kanak. Keadaan ini boleh dikategorikan sebagai tingkah laku positif dan tingkah laku negatif. Tingkah laku yang positif merujuk kepada berkongsi bahan bersama rakan, berdikari, mengikut peraturan dan boleh bersabar. Tingkah laku negatif merujuk kepada suka bergaduh, mengasingkan diri dan menggigit.

Perkembangan emosi dan sosial yang sihat, penting dalam kehidupan seorang kanak-kanak kerana menjadi asas kepada pembelajaran. Perkembangan kanak-kanak mempengaruhi kejayaan dalam pembelajaran mereka. Pada usia awal kanak-kanak, perkembangan mereka dapat dilihat dari segi pergaulan dengan rakan sebaya dan cara mereka bertingkah laku. Situasi ini lebih tertumpu kepada aktiviti bermain kerana kanak-kanak tidak boleh dipisahkan dari aktiviti bermain (Rivera, 2009).

Dalam kehidupan sosial kanak-kanak, bermain adalah pencetus kepada pembentukan perkembangan serta kemahiran sosial dan emosi kanak-kanak. Sebagai contoh kanak-kanak perlu bersosialisasi, bagi memastikan perkembangan diri mereka berkembang dengan baik. Aktiviti bermain dikatakan dapat memberi kanak-kanak pengalaman yang amat bermakna untuk meningkatkan kemahiran bersosial, mempunyai sensitiviti nilai dan keperluan orang lain, mengawal emosi, belajar mengawal diri sendiri dan juga boleh berkongsi kuasa.